

Newspaper	SUARA KEADILAN
Date	11/07/2017

Dr M: Anwar boleh jadi PM

TUN Dr Mahathir Mohamad menyatakan sokongan beliau kepada Ketua Umum KEADILAN Saudara Anwar Ibrahim untuk diangkat menjadi perdana menteri sekiranya mendapat pengampunan diraja.

Bekas perdana menteri itu berkata demikian dalam temu bual dengan The Guardian, semasa lawatan beliau ke London baru-baru ini.

Keputusan mahkamah jelas dipengaruhi kerajaan dan saya fikir kerajaan baru dapat meyakinkan Yang di-Pertuan Agong untuk memberikan pengampunan penuh kepada Anwar.

TUN DR MAHATHIR MOHAMAD
Bekas Perdana Menteri

"Dalam kes Anwar, kita boleh menuntut beliau ti-

*Suara Keadilan
-11/7/2017 15.3*

dak dilayan dengan adil. Keputusan mahkamah jelas dipengaruhi kerajaan dan saya fikir kerajaan baru dapat meyakinkan Yang di-Pertuan Agong untuk memberikan pengampunan penuh kepada Anwar.

"Dengan itu, beliau dapat kembali berpolitik dan menjadi perdana menteri. Saya tidak dapat tolak," akuinya.